

13 JUN 2003

Abdullah - VCD

ABDULLAH MINTA SYARIKAT RAKAMAN TURUNKAN HARGA VCD

PERMATANG PAUH, 13 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta syarikat rakaman menimbang menurunkan harga VCD bagi menggalakkan orang ramai membelinya.

Timbalan Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat rakaman perlu mengambil kesempatan daripada ketiadaan VCD cetak rompak di pasaran pada masa ini untuk meningkatkan jumlah jualan dengan cara menurunkan harganya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan projek perumahan Taman Ara Indah di sini, beliau berkata kejayaan operasi pihak berkuasa membanteras kegiatan pengeluaran dan pengedaran VCD cetak rompak menyebabkan VCD cetak rompak sukar diperolehi di pasaran sekarang.

Abdullah berkata bahawa dengan menjual VCD tulen pada harga rendah, syarikat rakaman tetap akan memperolehi keuntungan kerana jumlah jualan akan meningkat.

Pada masa ini VCD tulen dijual pada harga antara RM30 dan RM50 berbanding hanya RM5 untuk VCD cetak rompak.

Kegiatan mengedar VCD cetak rompak dipercayai sudah dilumpuhkan buat masa ini hasil operasi bersepadu pihak berkuasa.

Abdullah mengakui antara faktor berlaku cetak rompak adalah kerana wujudnya permintaan daripada orang ramai yang tidak mampu untuk membeli VCD tulen.

"Kalau harga tinggi sangat, akan berlaku cetak rompak. Apabila berlaku cetak rompak mereka (syarikat rakaman) juga yang rugi, jadi eloklah mereka menurunkan harga," katanya.

Abdullah turut ditanya tentang segelintir penyandang jawatan dalam Umno yang tidak membenarkan pekerja-pekerja parti bergiat di kawasan individu tertentu kerana takut kehilangan pengaruh mereka.

"Macam-macam masalah yang timbul sekarang. Yang penting ialah kita bersama-sama mengatasi masalah yang timbul untuk kepentingan parti dan bukannya untuk menjaga kepentingan individu," katanya.

Abdullah, yang juga Timbalan Presiden Umno, mengingatkan anggota-anggota parti supaya tidak berebut-rebut untuk menjadi calon.

"Jangan buat begitu dan hentikan tindakan itu," katanya.

Beliau juga berharap semua pihak akan bekerja keras untuk merampas semula kerusi Parlimen Permatang Pauh daripada Parti Keadilan Nasional.

"Kita akan bekerja dengan penuh keyakinan bahawa kita akan menang," katanya.

Mengenai Perhimpunan Agung Umno minggu depan, Abdullah berkata, ia satu perhimpunan yang biasa seperti yang dikehendaki oleh Perdana Menteri dan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perhimpunan itu bukanlah satu perhimpunan istimewa ataupun sebagai majlis perpisahan kepada Dr Mahathir yang akan bersara kerana Dr Mahathir mahukan perhimpunan tahunan yang biasa," katanya.

-- BERNAMA

SA MAI